



LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : fama@fama.gov.my

SIARAN MEDIA

PROJEK PEMBANGUNAN PEMASARAN AGROMAKANAN MELALUI KERJASAMA STRATEGIK PERSEKUTUAN DAN NEGERI PERKUKUH SEKURITI MAKANAN NEGARA

KUALA KANGSAR, 18 Jun 2022 – YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan bersama YAB Dato' Seri Saarani Bin Mohamad, Menteri Besar Perak telah melawat tapak Projek Pasar Tani Kekal (PTK) Kuala Kangsar yang bakal memberikan manfaat kepada lebih 100 orang usahawan apabila siap sepenuhnya pada April 2023.

Transformasi pasar awam sebagai *One Stop Centre* dengan pengurusan yang lebih sistematik ini akan menyediakan 116 lot baharu terdiri daripada 8 lot runcit, 8 lot medan selera dan 100 lot terbuka yang dijangka akan meningkatkan pendapatan dan nilai jualan peserta sebanyak 30%.

Pembangunan PTK Kuala Kangsar adalah secara kerjasama strategik Kerajaan Persekutuan yang memperuntukkan RM3 juta manakala Kerajaan Negeri turut memperuntukkan RM1 juta.

Untuk rekod, bilangan PTK di seluruh negara setakat ini adalah 40 dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM147.57 juta.

Selain PTK Kuala Kangsar, terdapat empat (4) lagi lokasi PTK yang masih di dalam pembinaan iaitu di Kg. Gajah, Perak, FELDA Palong, Negeri Sembilan, Kuala Krai, Kelantan dan Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Dalam lawatan yang sama, YB Menteri MAFI dan YAB Menteri Besar Perak turut melawat Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA di Manong, Kuala Kangsar yang telah dinaiktaraf atas tanah berkeluasan 4 ekar sebagai model perniagaan dan pusat rujukan pemasaran hasil pertanian berteknologi.

Melalui pembangunan pusat ini secara langsung dapat memberi peluang dan pendedahan kepada golongan belia mengenai teknologi terkini yang tersedia di dalam sektor pertanian sekaligus mengoptimumkan penggunaan tanah-tanah terbiar milik Kerajaan.

Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi yang juga sebahagian daripada Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA dimajukan di tanah rizab Jabatan Kerja Raya (JKR) yang berkeluasan 2.5 ekar dengan mengaplikasikan konsep *Internet*

of Things (IoT) iaitu menggunakan kaedah sistem fertigasi, hidroponik dan akuaponik dalam satu kawasan.

Untuk rekod, kaedah ini memberikan pulangan sehingga RM90 ribu pada satu tempoh dengan pengeluaran dua komoditi iaitu sayuran berdaun organik sebanyak 3.3 tan metrik tan dan ikan tilapia sebanyak 4,000 ekor.

Projek ini adalah manifestasi Kerajaan untuk mengoptimumkan penggunaan tanah terbiar dan tidak dibangunkan milik Kerajaan Persekutuan dan tanah Rizab Melayu disewakan bagi projek pertanian atau perniagaan.

Pusat Pemasaran Agromakanan FAMA Manong ini juga mempunyai pelbagai fasiliti di bawah satu bumbung iaitu pusat latihan, pusat jualan & pemberongan, tapak pertanian, kafeteria dan medan penjaja, Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) dan pertanian pintar (akuaponik & *vertical farming*), projek pertanian fertigasi. 23 usahawan yang sebelum ini bermiaga di tepi jalan dan rumah persendirian juga telah dikumpulkan di sini dan dapat manfaat peningkatan pendapatan sebanyak 20%.

Kerjasama strategik merentas Kementerian, Kerajaan Negeri dan pihak swasta seperti ini terbukti dapat mencapai matlamat pembangunan pemasaran agromakanan bagi memodenkan sektor agromakanan negara sejajar dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan (2021-2025).

Ini juga selaras dengan saranan Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri supaya kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diteruskan dalam usaha meningkatkan keluasan tanah bagi kegunaan pertanian untuk mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

MAFI akan meneruskan kerjasama rapat antara semua pihak termasuk Kerajaan Negeri, Syarikat Pelaburan Kerajaan (GLC), Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) serta sektor swasta dalam usaha memperkuuhkan lagi agenda sekuriti makanan negara demi pertumbuhan sektor agromakanan dan kesejahteraan Keluarga Malaysia secara keseluruhannya.

Turut hadir dalam lawatan hari ini, YB Datuk Mastura binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), YB Tuan Haji Razman bin Zakaria, Penggerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Negeri Perak, YBhg. Dato' Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA, YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassan, Ketua Setiausaha Kementerian Sains Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.

#####

Disediakan oleh:

**Cawangan Komunikasi Korporat FAMA Ibu Pejabat
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
18 Jun 2022**